Ops Gasak DBKL

7 premis dikendali warga asing di Brickfields ditutup



Penguat kuasa DBKL menyita peralatan premis perniagaan di sekitar Brickfields dalam Ops Gasak, kelmarin.
(Foto Facebook DBKL)

Kuala Lumpur: Tujuh premis dikendalikan warga asing di sekitar Brickfields ditutup dalam Ops Gasak Siri 3/2025 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu, kelmarin.

Operasi itu dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia Kuala Lumpur (Imigresen), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, tindakan bersepadu di Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Rakyat, Brickfields itu hasil rondaan berkala di sekitar lokasi berkenaan, selain aduan orang ramai.

"Sebanyak tujuh premis yang dikendalikan warga asing ditutup di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"DBKL turut mengeluarkan 20 notis kompaun serta melaksanakan 16 tindakan pindah halangan terhadap barangan perniagaan yang diletakkan di tempat awam," katanya.

Dalam operasi sama, 10 warga asing menjalankan perniagaan di sekitar lokasi ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur untuk tujuan dokumentasi serta rekod.

KPDN pula mengeluarkan tiga kompaun atas kesalahan penandaan harga serta dua kompaun berkaitan penggunaan Alat Timbang Sukat.

"Turut dirampas 121 minuman keras pelbagai jenama yang disyaki belum dibayar duti cukainya dan dipercayai diseludup masuk ke negara ini," katanya.

DBKL menegaskan pemantauan dan tindakan bersepadu seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan dikenal pasti.